



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 26 SEPTEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	NEW PATROL BOAT FOR FISHERIES DEPARTMENT, NEWS SUNDAY TRIBUNE -ONLINE	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	FATIMAH CALLS FOR NEW TECH TP PROCESS SEAFOOD, NEWS SUNDAY TRIBUNE -ONLINE	
3.	PGA RAMPAS 124 UNGGAS BERNILAI RM504,850, LOKAL, HM -11	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
4.	TELITI SYOR SUBSIDI LADANG AYAM, LOKAL, HM -20	LAIN-LAIN
5.	TANAH ADAT TERBIAR KINI JADI ESTET IKAN, DALAM NEGERI, UM -38	
6.	KUDRAT MUDA RAIH RM8,000, DALAM NEGERI, UM -38	
7.	PELOMBONG CINA POPULARKAN LIMAU TAMBUN, PERSPEKTIF, BH AHAD -37	
8.	KORBAN CITA-CITA BELA LEMBU, XPRESI, METRO AHAD -36 & 37	
9.	KEUNIKAN MENTERNAK KUPANG DI PORT DICKSON, NEGARA, KOSMO AHAD -14	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



26 SEP, 2021

NEW PATROL BOAT FOR FISHERIES DEPARTMENT

New Sunday Tribune, Malaysia

NEW PATROL BOAT FOR FISHERIES DEPARTMENT

BY DUWIN UDIH

OYA: The state Marine Fisheries Department will have a new patrol boat next year.

Its director Bohari Leng said it is capable of intercepting fishing trawlers, especially illegal foreign fishermen.

He added the jetty would also be upgraded to accommodate the new boat.

"With the new boat, the department will continue to cooperate with other enforcement agencies such as Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA)," he said during a programme at Pekan Sabtu Oya here yesterday.

Welfare, Community Wellbeing, Women, Family and Childhood Development Minister Datuk Seri Fatimah Abdullah, who is also



BOHARI (front row, right) hands over a souvenir to Fatimah as others look on.

Dalat assemblywoman, officiated at the event.

Bohari also announced the RM150 million loan allocated

by the federal government for fishermen.

According to him, fishermen can apply for the loan to upgrade

their boats or build new ones, or buy new equipment. Further details can be obtained from the department's office.



26 SEP, 2021

NEW PATROL BOAT FOR FISHERIES DEPARTMENT

New Sunday Tribune, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

•BYDUWIN UDIH OYA: The state Marine Fisheries Department will have a new patrol boat next year. Its director Bohari Leng said it is capable of intercepting fishing trawlers, especially illegal foreign fishermen. He added the jetty would also be upgraded to accommodate the new boat.



26 SEP, 2021

Fatimah calls for new tech to process seafood

New Sunday Tribune, Malaysia

Page 1 of 2

Fatimah calls for new tech to process seafood

OYA: Welfare, Community Wellbeing, Women, Family and **Childhood Development Minister** Datuk Seri Fatimah Abdullah called on any relevant body, which has the expertise, to create a new technology that can be used in downstream processing of marine products.

She said currently those who were involved in it relied solely on the sun to dry their products.

However, she said during rainy season it would be difficult for them to dry their products; affecting their productivity and income.

"If there are any new technologies that can be used, then they do not have depend solely on the sun," she said.

Fatimah, who is also Dalat assemblywoman, said this when officiating at the handing over of license and aid programme, which was organised by Sarawak Marine Fisheries Department at Pekan Sabtu Oya here yesterday.

According to her, among the common downstream marine products produced by fishermen include karopok (fish or prawn crackers) and salted fish.

Meanwhile, the minister suggested to the department to provide some funds to assist the local fishing community in setting up their own mini ice factory.

She said that the existing ice processing outlet could not meet the demand of locals, because some of the ice was also used for preparing iced drinks for local consumption or for sale.

Fatimah hoped that Sarawak Fisheries Department director Bohari Leng could help the local fishing community in realising their aim of getting a mini ice processing factory.



26 SEP, 2021

Fatimah calls for new tech to process seafood

New Sunday Tribune, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

OYA: Welfare, Community Wellbeing, Women, Family and Childhood Development Minister Datuk Seri Fatimah Abdullah called on any relevant body, which has the expertise, to create a new technology that can be used in downstream processing of marine products. She said currently those who were involved in it relied solely on the sun to dry their products.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/9/2021	HARIAN METRO	LOKAL	11

PGA rampas 124 unggas bernilai RM504,850

Kota Bharu: Briged Tenggara Pasukan Gerakan Am (PGA) merampas 124 ekor unggas seludup pelbagai jenis bernilai RM504,850 di sempadan Malaysia-Thailand bermula Januari lalu hingga semalam.

Komander PGA Briged Tenggara Senior Asisten Komisioner Hasan Basri Ahmad Safar berkata, nilai itu membabitkan lima kes dengan rampasan 10 burung jenis Sunconure, 23 burung kakaktua, 83 ayam laga serta sembilan unggas pelbagai spesies yang disyaki diseludup dari Thailand.

Kata beliau, statistik rampasan unggas dilihat semakin meningkat sejak kebelakangan ini dengan rampasan tertinggi pada Ahad lalu iaitu membabitkan 82 unggas.

"Hasil siasatan mendapati kes penyeludupan unggas ini bertambah sejak pandemik Covid-19 melanda, malah semakin 'menjadi-jadi' sekitar Julai sehingga September ini.

"Ia berkemungkinan kera-



HASAN

na permintaan tinggi daripada peminat unggas bukan sahaja di Kelantan, bahkan seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

"Tambahan pula, harga pasaran unggas di negara jiran lebih rendah berbanding yang dijual oleh pembekal tempatan," katanya dihubungi.

Hasan berkata, bagaimanapun pihaknya akan terus mengawal sempadan bagi membanteras penyeludupan pelbagai jenis unggas itu.

"Berdasarkan maklumat risikan kami, aktiviti penyeludupan unggas di sempadan dilakukan oleh individu dan tidak membabitkan sindiket.

"Bagi menangani aktiviti ini, Briged Tenggara PGA turut membangunkan sistem maklumat risikan untuk mencegah aktiviti haram ini daripada terus berleluasa," katanya.

Kes seperti ini disiasat mengikut Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011, Akta 728.

Sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih RM100,000 atau penjara tidak lebih enam tahun atau kedua-duanya sekali.

Menurut beliau, kerjasama dengan agensi berkaitan seperti Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis), Jabatan Veterinar dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) akan diteruskan bagi membantu membanteras kegiatan ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/9/2021	HARIAN METRO	LOKAL	20



HASNOL meninjau harga barang keperluan selepas merasmikan pembukaan pasar raya Big Mart di Taman Puchong Perdana, semaleni.

Teliti syor subsidi ladang ayam

Subang Jaya: Kerajaan memperhalusi cadangan berhubung sistem subsidi kepada pengusaha ladang ayam bagi mengawal kenaikan harga di seluruh negara.

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad berkata, pihaknya berbincang terlebih dahulu sebelum keputusan dimuktamadkan.

“Perbincangan dengan pelbagai kementerian bagi memperhalusi apa-apa dasar, kita tidak boleh membuat dasar yang menyebe-

lahi satu pihak sahaja.

“Perkara ini perlu diperhalusi bersama persatuan industri ayam dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi),” katanya selepas merasmikan pembukaan pasar raya Big Mart di Taman Puchong Perdana, semalam.

Hasnol berkata, pihaknya juga mengadakan perbincangan dengan pihak industri bagi mendapatkan input berhubung harga bekalan.

“Semua pihak kini menghadapi cabaran masing-masing dengan kekangan situasi ketika pandemik ini.

“Antara yang dimaklum-

kan termasuk masalah dari segi input iaitu pengangkutan seperti pergerakan kapal juga terhad pada ketika ini,” katanya.

Sebelum ini, KPDNHEP bercadang melaksanakan sistem subsidi kepada pengusaha ladang ayam terbesar bagi mengawal kenaikan harga di seluruh negara.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid dilaporkan berkata, subsidi harga itu diberi kepada 20 pengusaha ladang ayam di tiga negeri iaitu Johor, Negeri Sembilan dan Perak, yang mengeluarkan 80 peratus bekalan ke seluruh negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/9/2021	MINGGUAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	38



TANAH adat yang dahulunya terbiar kini dibangunkan menjadi Projek Estet Ikan MyKP Kampung Sungai Jerneh dan menjadi tarikan penduduk setempat serta luar daerah. - MINGGUAN/NOR AINNA HAMZAH

Tanah adat terbiar kini jadi estet ikan

Oleh NOR AINNA HAMZAH
utusanews@mediamula.com.my

TAMPIL: Tanah adat terbiar di Kampung Sungai Jerneh, Gemeneh di sini berjaya dibangunkan sebagai lokasi tarikan pengunjung menerusi Projek Estet Ikan My Komuniti Perikanan (MyKP).

Pengerusi MyKP Kampung Sungai Jerneh, Suhaimizan Bizar berkata, sejak empat tahun lalu, lokasi tersebut telah diusahakan oleh seorang penduduk, Shamsudin Adam, 57, bagi ternakan pelbagai jenis ikan.

Jelasnya, kini, pihaknya diberi keluang untuk menguruskan lokasi tersebut yang mempunyai lebih 40,000 ikan pelbagai jenis seperti tilapia, jelawat, lampam, baung dan temoleh.

Menurutnya lagi, projek itu memberi banyak manfaat kepada MyKP Kampung Sungai Jerneh terutama kepada golongan belia kampung.

Di lokasi itu, ujanya, pelbagai aktiviti berbayar dengan kadar serendah RM5 dapat dijalankan antaranya aktiviti memberi makan ikan, berlayak dan menaiki bot.

"Terdapat tujuh kolam di atas

tanah seluas satu hektar ini. Satu daripadanya dibangunkan bagi projek Estet myKP, satu lagi untuk kolam mengoca kanak-kanak yang berisi ikan tidak berbahaya dan selebihnya akan dibangunkan bagi kolam pelbagai jenis ikan serta udang.

"Sejak dibuka seminggu lalu, bukan hanya penduduk di sini sahaja yang datang tetapi juga ada keluarga yang datang dari Port Dickson, Nilai dan Seremban untuk mencuba pelbagai aktiviti di sini," katanya ketika ditemui *Mingguan Malaysia* kelmarin.

Sementara itu, Pengarah Jaba-

tan Perikanan Negeri Sembilan, Halimi Abu Hanip berkata, kira-kira RM50,000 bantuan Dana Jaminan Makanan (DJM) telah disalurkan kepada Projek Estet Ikan myKP Kampung Sungai Jerneh, Gemeneh.

Menurutnya, bantuan DJM berkenaan adalah berbentuk peralatan, menaiktaraf infra, makanan ikan dan benih.

"Ini termasuklah bantuan input yang meliputi naik taraf infrastruktur seperti pembersihan kawasan estet, pembinaan satu unit jeti dan gazebo, satu unit bot berserta enjin dan penda-

yang dan satu unit mesin pemotong rumput.

"Malah, kita turut membuat pelepasan 2,000 ekor benih ikan tilapia dan 50 ekor benih ikan temoleh ke estet MyKP Sungai Jerneh.

"Kami komited menyokong dan membantu komuniti setempat dalam membangunkan industri akuakultur.

"Bantuan berkenaan juga dapat meringankan beban kos operasi yang ditanggung oleh penternak serta meningkatkan lagi pengeluaran akuakultur di negeri ini khususnya," katanya.

Kudrat muda raih RM8,000

JERANTUT: Seorang bekas pekerja gudang ikan memperoleh pendapatan RM8,000 bagi setiap satu pusingan hasil tanaman jagung di kawasan 0.4 hektar yang diusahakannya selepas ketiadaan pekerjaan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Felda Kota Gelanggi Dua, dekat sini.

Bercakap kepada *Mingguan Malaysia*, Ahmad Mazran Abdul, 26, berkata, dia berenti kerja di sebuah gudang ikan di Melaka akibat penularan pandemik Covid-19 tahun lalu dan pulang ke kampung memulakan tanaman jagung di kawasan tanah milik Felda di situ.

Anak muda yang masih bujang itu berkata, pada awal kepulangannya, dia cuma membantu ibu bapanya menguruskan tanaman jagung dan sayur-sayuran di tapak berkenaan dan pasarnya agak tidak begitu meluas berikutan penguatkuasaan PKP.

"Tanpa pengalaman dan kemahiran berkebun sebelum ini, saya banyak mempelajari daripada ibu bapa ketika membantu mereka sejak tahun lalu sehinggalah ka-



AHMAD MAZRAN Abdul bersama jagung yang siap diikat untuk dijual kepada pelanggan di Felda Kota Gelanggi Dua, Jerantut di Pahang. - MINGGUAN/HARIS FADILAH AHMAD

wasan tapak tanaman ini diserahkan kepada saya untuk memulakan hidup secara berdikari.

"Dengan wang simpanan sebanyak RM1,200 saya memulakan tanaman benih jagung pada pusingan pertama awal tahun ini dan berhasil tumbuh sebanyak 6,000 batang pokok di tapak ini," katanya ketika ditemui

di Felda Kota Gelanggi Dua di sini semalam.

Menurut Ahmad Mazran, dia juga dibantu oleh rakannya, Ahmad Mahtar, 33, untuk menguruskan tanaman itu seperti tugas membaja, meracun serangga dan pengairan sehingga tanaman itu mengeluarkan hasil dalam tempoh tiga bulan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/9/2021	BERITA HARIAN AHAD	PERSPEKTIF	37



Pelombong Cina popularkan limau Tambun

Konsep ladang dalam taman jadi produk agropelancongan, berkongsi ilmu pertanian bersama pelawat

Oleh Noor Hidayah Tanzizi
bhnews@bh.com.my

Lebih 80 tahun lalu Tambun di Ipoh, Perak antara kawasan untuk aktiviti perlombongan baji dengan kedatangan pelombong Cina.

Secara tidak langsung, kedatangan pelombong itu turut membawa identiti baharu kepada pekan kecil di bandar raya Ipoh apabila mereka turut menanam beberapa pokok limau bali di sekitar kawasan berkenaan.

Dek kerana keistimewaan buah itu dari segi rasa dan kesesuaian tanah di Tambun menjadikan ia banyak ditanam di pekan kecil itu sehingga kini.

Malah ia sinonim dengan Tambun dan dijadikan 'buah tempatan'.

Sehingga kini, Tambun menjadi pengeluar utama limau bali dan buahnya juga terkenal di seluruh pelosok tanah air dengan rasa dan kualiti yang lebih baik berbanding di tempat lain, sekali gus ia dikenali sebagai limau Tambun.

Justeru, tidak lengkap jika kunjungan anda ke Tambun atau Ipoh tanpa membeli limau Tambun sebagai buah tangan untuk dibawa pulang.

Malah, buah berkenaan juga menjadi antara tarikan di Ipoh yang menawarkan agropelancongan yang sering mendapat tumpuan terutama kepada mereka yang minat pertanian.

Tvrouka ladang limau bali

Pemilik Gochin Tambun Pomelo Agro Farm, Tan Swee Kong, 54, berkata, ladangnya seluas lebih 1.2 hektar dengan 80 pokok limau bali menjadi tumpuan pelancong selepas ramai pelanggannya berminat dengan tanaman itu sejak 15 tahun lalu.

Beliau menampilkan konsep ladang dalam taman sambil berkongsi ilmu pertanian bersama pelancong yang datang ke ladangnya dan mereka juga boleh membeli buah terus serta menikmati di ladang.

"Melihat sambutan itu kita mengambil keputusan untuk menaik taraf infrastruktur dan kemudahan di ladang

bagi membuka peluang kepada pelancong 'meneroka' ladang limau bali termasuk memberi pendedahan kepada mengenal tanaman itu.

"Kita juga mendapat slot kunjungan pelancong dari 70 negara sejak mula membukanya kepada pelancong dan mereka suka melihat tanaman seperti ini, malah mereka mengakui limau bali di Tambun lebih sedap berbanding di negara mereka," katanya.

Lebih 30 negara kawat ladang

Swee Kong berkata, lebih menarik ladangnya juga mempunyai lebih 30 pokok buah-buahan lain seperti manggis, durian, pelbagai jenis jambu, pisang dan rambutan termasuk tanaman herba tetapi bukan untuk dijual sebaliknya untuk tarikan tambahan apabila melalui trek pejalan kaki.

Katanya, Tambun memang terkenal dengan limau bali dan kawasan berkenaan diwartakan sebagai kawasan tanaman itu. Antara faktor yang menjadikan buah itu sesuai ditanam di Tambun kerana kawasan itu dikelilingi gunung batu kapur yang mempunyai kalsium karbonat tinggi.

"Di ladang ini kita ada dua jenis limau bali iaitu jenis manis yang berwarna putih merah jambu, manakala satu lagi masam manis dan isinya berwarna merah.

"Tidak dinafikan jenis buah manis lebih mendapat permintaan tetapi sejak kebelakangan ini jenis masam manis



Swee Kong, di gerald limau bali kehuaran ladangnya di hadapan Gochin Tambun Pomelo Agro Farm, Tambun di Ipoh.

(Foto Sharul Hafiz/BH)



Tan Swee Kong

juga sudah mula digemari.

"Jenis ini kalau dibiarkan lama di pokok akan lebih masak dan lebih sedap. Buah jenis ini juga lebih banyak khasiat.

"Istimewanya, limau Tambun adalah kerana isinya lebih lembut dan mengandungi lebih air.

"Ia juga sesuai untuk individu yang mempunyai penyakit kencing manis," katanya yang juga generasi kedua ladang itu dengan dibantu isteri dan anak

COVID-19 jejakkan kunjungan pelancong

Limau bali memerlukan masa enam bulan untuk pengeluaran hasil dan menggunakan kaedah pruning (pemangkasan) untuk mendapatkan hasil yang lebih banyak terutama pada bulan tertentu.

Ladangnya mampu mengeluarkan hasil anggaran biasa untuk 80 pokok mencecah 15 tan dengan Januari dan September mendapat permintaan

tinggi terutama pada Tahun Baru Cina.

"Harga jualan mengikut saiz buah dan biasanya kita jual sebiji antara RM15 hingga RM18. Buah ini perlu matang dan cukup masak, isinya akan lebih sedap dan berjus tetapi kalau terlebih masak pula isinya kering dan keras," katanya.

Beliau berkata, pandemik COVID-19 menjejaskan aktiviti dan jualan limau bali juga merosot dan ada yang menanggung kerugian, malah dia juga sudah tidak menerima kehadiran pelancong.

Menurutnya, beliau dibantu Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) yang mengambil sebahagian hasil tuaiannya untuk pasaran agensi itu, selain menyumbangkan limau bali kepada pihak berkaitan.



Pekerja Gochin Tambun Pomelo Agro Farm, Tambun di Ipoh melalukan pemangkasan pada pokok limau bali.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/9/2021	METRO AHAD	XPRESI	36



KORBAN CITA-CITA BELA LEMBU

Ahmad miliki ijazah dalam kejuruteraan kini usahawan penternakan Ladang Ayoh

SENTIASA
memastikan lembu
miliknya dalam
keadaan sihat.

AGRO

Oleh Hafiz Ithnin
hafizithnin@mediaprima.com.my

Bagi lelaki berusia 31 tahun ini, dia sedikit pun tidak menyesal 'gagal' menggapai cita-citanya sejak di bangku sekolah untuk menjadi jurutera.

Malah, melihat rezekinya sebaik sahaja menamatkan pengajian di peringkat ijazah dalam bidang itu menemui kerjaya sebagai usahawan penternakan lembu sesuatu yang amat manis.

Ahmad Mustapa adalah pemilik ABM Agrofarm yang lebih dikenali dengan jenama Ladang Ayoh di Jerluh, Terengganu ini turut berasakan kerjaya sebagai usahawan penternakan selain mempunyai ilmu dalam bidang kejuruteraan adalah satu garapan yang baik.

Menceritakan pembabitannya dalam bidang itu, Ahmad berkata, sejak di tahun akhir di universiti dia sudah nekad untuk pulang ke kampung sebaik sahaja tamat

pengajian untuk menjaga ibunya yang kurang sihat.

"Ketika itu saya sudah mula berfikir untuk menyertai bidang penternakan dan pertanian memandangkan keluarga mempunyai tanaman kelapa sawit. Sebelum ini ayah juga memiliki ternakan kambing, tetapi terpaksa menjualnya kerana tiada masa untuk menguruskannya.

"Justeru, pada 2016, sebaik sahaja tamat pengajian saya menghabiskan masa hampir setahun untuk menyertai pelbagai kursus dalam bidang itu dan secara beransur-ansur mula membina kandang di belakang rumah ibu bapa saya," katanya.

Langkah mengikuti pelbagai kursus anjuran pelbagai pihak amat membantu menjadikan dirinya lebih bersedia termasuk mengenal pasti operasi, pengurusan dan penjagaan lembu.

"Pada 2017, saya mula bergerak secara aktif. Pada ketika itu, dengan berbekalkan modal sendiri dan mendapatkan modal



AHMAD menjadi usahawan ternakan pada usia 27 tahun

Saya mengguna pakai sisa pertanian seperti tanaman jagung yang diproses sendiri untuk dijadikan silaj, jerami padi dan dedak sebagai sumber makanan

AHMAD

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/9/2021	METRO AHAD	XPRESI	37

RM50,000 menerusi perkongsian wang bersama isteri dan adik-beradik lalu dijadikan sebagai satu bentuk pelaburan kepada mereka.

"Saya amat yakin dengan suntikan pelaburan itu mampu meraih pulangan modal kerana permintaan daging lembu terutama pada musim perayaan khususnya Aidiladha amat tinggi di pasaran setempat," katanya. Unjuran model

perniagaan yang dilakukan Ahmad menyebelainya apabila sebaik sahaja tiba musim perayaan itu, semua pelaburnya mendapat keuntungan dan pulangan modal.

Katanya, bermula dengan hanya 13 lembu pada 2017, kini dia sudah mempunyai 85 lembu, campuran segmen ternakan dan 'trading'. Malah, Ahmad juga sudah membesarkan tempat operasinya daripada

belakang rumah ibu bapanya kepada ladang pemernakan seluas kira-kira 2.4 hektar.

Selain itu, dia juga dalam proses menambak baik kandangnya itu yang sekarang ini mampu menampung 100 lembu kepada 200 lembu 'trading' dalam satu masa.

Tidak sekadar itu, penerima Anugerah Khas Belia Tani Lelaki Negeri Terengganu 2020



JERAMI padi menjadi diet lembu ternakan.



LEMBU dari baka Charolais (berwarna putih) dan Limousine (berwarna coklat) dimiliki Ahmad untuk ternakan.



SILAJI daripada batang jagung yang diproses



MELUASKAN bidang usahawan pemernakan kepada pengeluaran nanas.



DINOBTAKAN sebagai pemenang Anugerah Khas Belia Tani Lelaki Negeri Terengganu 2020.

itu turut dalam proses membangunkan rumah penembelian swasta berkonsep semi-auto menggunakan sistem hidraulik di premis miliknya itu dalam memperkemaskan lagi operasinya.

Ditanya mengenai jenis lembu yang dimilikinya, Ahmad berkata, ada beberapa jenis seperti Kedah-Kelantan, kacukan Brahman, Limousine dan Charolais.

Katanya, dalam perniagaan pemernakan, pemakanan antara elemen

paling utama yang perlu diberi perhatian kerana dengan adanya diet yang betul boleh memberi jaminan kepada kesihatan haiwan ternakan.

"Saya mengguna pakai sisa pertanian seperti tanaman jagung yang diproses sendiri untuk dijadikan silaj, jerami padi dan dedak sebagai sumber makanan. Makanan yang diproses sendiri dapat mengurangkan kos operasi bulanan.

"Makanan antara kos operasi yang terbesar dalam perusahaan ini

dan kita kena bijak untuk menyediakan diet yang sesuai serta tidak bergantung dengan dedak yang kini harganya sentiasa naik," katanya.

Tambahnya, jika seseorang itu ingin menyertai bidang perniagaan ini seharusnya mempunyai minat mendalam dan perlu pengetahuan dari segi pengurusan ternakan, pengurusan perniagaan dan sentiasa bersiap sedia dengan sebarang risiko yang mendatang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/9/2021	KOSMO AHAD	NEGARA	14



AMMAR ZAKRI menunjukkan kupang yang dikutip di kawasan ternakan kupang di Pangkalan Nelayan Telok Sinting, Pasir Panjang, Port Dickson.



AMIRUL BAHARIZA, 23, membersihkan kupang yang telah dikutip sebelum dijual kepada pelanggan di sekitar Pasir Panjang, Port Dickson.

Keunikan menternak kupang di Port Dickson



PERALATAN khas digunakan untuk menyimpan kupang yang berjaya dikutip di kawasan ternakan kupang.

SELAIN memiliki pantai yang cantik dan diktraf sebagai antara pusat pelancongan paling popular di Malaysia, Port Dickson juga bakal melonjak sebagai 'lubuk' kepada aktiviti penternakan kupang dan tiram.

Sesuatu yang menarik ialah proses penternakan kupang dan tiram di Port Dickson hanya menggunakan kayu yang dipacak untuk dijadikan habitat pembalakan, berbeza dengan teknik yang digunakan di tempat lain.

Biasanya, kupang sesuai dibuat sambal atau digoreng, selain dimasak bersama epageti. Tiram pula biasanya dibakar atau dimakan segar secara mentah.

Keunikan penternakan itu menyebabkan kerajaan Negeri Sembilan merancang untuk menyediakan satu pakej bagi membolehkan pelancong melihat sendiri proses ternakan kupang dan tiram khususnya di Pasir Panjang, Port Dickson.

Lensa Ahad

Aktiviti melawat penternakan kupang di Port Dickson telah mula mendapat permintaan, terutamanya daripada pelancong luar negara seperti pelancong China.

Terdapat sebuah kawasan dikenali sebagai Pulau Masjid di Pasir Panjang dan beberapa kawasan sejarah lain yang berpotensi untuk diteroka sebagai produk pelancongan baharu di Port Dickson.

Bagi ruangan Lensa Ahad minggu ini, Jurugambar MOHD. SHAJJEHAN MAAMIN sempat merakam beberapa momen mengenai proses ternakan kupang dan tiram di Pasir Panjang, Port Dickson.



AMMAR ZAKRI BAHARIZA, 7, ceria mengumpul kupang di kawasan ternakan kupang.



PROSES penternakan kupang dan tiram di Pangkalan Nelayan Telok Sinting, Pasir Panjang, Port Dickson memerlukan kayu dipacak di dalam air untuk dijadikan habitat pembalakan.



MOHAMMAD ARIFF ARIFFIN, 60, mengutip ternakan kupang yang menjadi sumber rezeki kepada keluarganya.